

**HUBUNGAN ANTARA CIRI-CIRI KEUSAHAWANAN DENGAN ASPIRASI
KEUSAHAWANAN PELAJAR TINGKATAN EMPAT DI DAERAH KUALA
KANGSAR, PERAK**

VIJAYAKUMARI A/P SILVERJOO

**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEHI IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN
(PENGURUSAN PERNIAGAAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2014

Objektif utama ialah untuk mengenal pasti perbezaan antara ciri-ciri keusahawanan berdasarkan faktor demografi pelajar. Kajian ini juga bertujuan untuk menentukan hubungan antara ciri-ciri keusahawanan dengan aspirasi keusahawanan di kalangan pelajar. Sebanyak 300 orang pelajar tingkatan empat dipilih daripada tujuh buah sekolah menengah di daerah Kuala Kangsar, Perak sebagai sampel kajian. Data dikumpulkan dengan menggunakan soal selidik untuk meninjau ciri-ciri keusahawanan di kalangan pelajar manakala tujuh item digunakan untuk mengenal pasti aspirasi keusahawanan. Ciri-ciri keusahawanan pelajar dikaji dalam enam dimensi iaitu keperluan kepada pencapaian, inovasi, kesanggupan mengambil risiko, locus kawalan dalaman, toleransi ketaksaaan (*tolerance of ambiguity*) dan keyakinan diri. Dalam kajian ini, dua jenis statistik digunakan iaitu deskriptif dan statistik inferens. Analisis ujian-t dan ANOVA satu hala menunjukkan bahawa tidak terdapat perbezaan yang signifikan dalam ciri-ciri keusahawanan berdasarkan faktor demografi. Dapatan kajian hanya menunjukkan perbezaan yang signifikan dalam aspirasi keusahawanan berdasarkan faktor pemilihan mata pelajaran elektif perdagangan dan penglibatan pelajar dalam aktiviti perniagaan. Hasil ujian kolerasi menunjukkan terdapat hubungan yang positif antara ciri-ciri keusahawanan dengan aspirasi keusahawanan pelajar. Ini bermakna semakin banyak pelajar didedahkan dengan ciri-ciri keusahawanan melalui aktiviti pengajaran dan pembelajaran boleh meningkatkan aspirasi pelajar untuk menjadi keusahawanan.

THE RELATIONSHIPS BETWEEN ENTREPRENEURIAL CHARACTERISTICS AND ENTREPRENEURIAL ASPIRATIONS AMONG SECONDARY SCHOOL STUDENTS

ABSTRACT

The purpose of this study is to identify the difference among entrepreneurial characteristic with demographic factors among the Form Four secondary school students in Kuala Kangsar district, Perak. These studies had been conducted to recognize the relationship between entrepreneurial characteristic and entrepreneurial aspirations among the student. 300 samples of Form Four students were chosen from seven of secondary schools in the Kuala Kangsar district. A set of quantitate questionnaire had been set-up to the entrepreneurial characteristic among the student while seven items had been set-up for entrepreneurial aspiration. Six dimensions of entrepreneurial characteristics such as need for achievement, innovation, risk taking, locus of control, tolerance of ambiguity and self-confident were chosen for this study. Two types of statistics are involved in this studies which are descriptive and inference statistics. Analysis of t- test and one way ANOVA shows that there is no significant difference for characteristics of entrepreneurship which was based on demographic. In spite of that, in term of aspiration of entrepreneurial, there were significant differences related to elective subject of Commerce and student's experiences in business activity. The coloration test results shown that there were positive relationships between the characteristic of entrepreneurial and aspiration of entrepreneurial. In a way, this study results will help out Ministry of Education to arrange or revamp the syllabus of Commerce subject to create more entrepreneur generation in our country.

KANDUNGAN

	Muka surat
PENGAKUAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI JADUAL	xiv
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
BAB 1 PENDAHULUAN	
1.1 Pengenalan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	4
1.2.1 Perkembangan keusahawanan di Malaysia	4
1.2.2 Kepentingan Keusahawanan	5
1.2.3 Pembudayaan Keusahawanan di dalam Sistem Pendidikan di Malaysia	7
1.2.4 Program Usahawanan Muda (PUM)	11
1.3 Penyataan Masalah	12
1.4 Matlamat Kajian	14
1.5 Objektif Kajian	14

1.5.1	Objektif Khusus	14
1.6	Persoalan Kajian	15
1.7	Hipotesis Kajian	15
1.8	Kerangka Konseptual Kajian	16
1.9	Kepentingan Kajian	20
1.10	Definisi Istilah	21
1.10.1	Definisi Keusahawanan	21
1.10.2	Keperluan Kepada Pencapaian	23
1.10.3	Inovasi	24
1.10.4	Kesanggupan Mengambil Risiko	25
1.10.5	Lokus Kawalan	25
1.10.6	Keyakinan Diri	26
1.10.7	Toleransi Ketaksaan (<i>Tolerance of Ambiguity</i>)	27
1.10.8	Aspirasi Keusahawanan	27
1.11	Batasan Kajian	28
1.12	Rumusan	28
BAB 2	SOROTAN LITERATUR	
2.1	Pengenalan	29
2.2	Teori–Teori Keusahawanan	30
2.2.1	Keusahawanan Dari Perspektif Sains Sosial	31
2.2.1.1	Keusahawanan Mengikut Ahli Ekonomi	31
2.2.1.2	Keusahawanan Dari Perspektif Sosiologi	33
2.2.1.3	Keusahawanan Dari Perspektif Psikologi	34
2.3	Ciri Asas Keusahawanan	37
2.4	Ciri-ciri Keusahawanan	38
2.4.1	Keperluan Kepada Pencapaian	41

2.4.2	Inovasi	43
2.4.3	Kesanggupan Mengambil Risiko	45
2.4.4	Lokus Kawalan Dalaman	46
2.4.5	Toleransi Ketaksaan (<i>Tolerance of Ambiguity</i>)	49
2.4.6	Keyakinan Diri	50
2.5	Kesan Demografi Terhadap Ciri-ciri Keusahawanan	51
2.5.1	Kesan Jantina Terhadap Ciri-ciri Keusahawanan	51
2.5.2	Kesan Pekerjaan Bapa Terhadap Ciri-ciri Keusahawanan	52
2.5.3	Kesan Pendapatan Keluarga Terhadap Ciri-ciri Keusahawanan	53
2.5.4	Kesan Wang Saku Terhadap Ciri-ciri Keusahawanan	53
2.5.5	Kesan Penglibatan Dalam Aktiviti Perniagaan Terhadap Ciri-ciri Keusahawanan	54
2.6	Keinginan Keusahawanan	54
2.7	Aspirasi Keusahawanan	55
2.8	Kesan Demografi Terhadap Aspirasi Keusahawanan	57
2.8.1	Kesan Jantina Terhadap Aspirasi Keusahawanan	58
2.8.2	Kesan Pekerjaan Bapa Terhadap Aspirasi Keusahawanan	59
2.8.3	Kesan Pendapatan Keluarga Terhadap Aspirasi Keusahawanan	60
2.8.4	Kesan Penglibatan Dalam Aktiviti Perniagaan Terhadap Aspirasi Keusahawanan	61
2.8.5	Hubungan Di Antara Ciri- Ciri Keusahawanan Dengan Aspirasi Keusahawanan	62
2.9	Rumusan	63

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	64
3.2	Reka Bentuk Kajian	65
3.3	Populasi dan Persampelan	68
3.4	Instrumen Kajian	70
3.4.1	Reka Bentuk Soal Selidik	71
3.4.1.1	Bahagian A - Latar Belakang Responden	72
3.4.1.2	Bahagian B - Penilaian Kendiri Usahawan	72
3.4.1.3	Bahagian C - Aspirasi Keusahawanan	77
3.4.2	Pengukuran Skala	78
3.4.3	Pembolehubah Kajian	79
3.5	Kajian Rintis	80
3.6	Kebolehpercayaan dan Kesahan	81
3.6.1	Kebolehpercayaan	81
3.6.2	Kesahan	83
3.7	Tatacara Pemerolehan Data	84
3.8	Analisis Data	85
3.8.1	Ujian – t	87
3.8.2	Ujian ANOVA Satu Hala	90
3.8.3	Ujian Kolerasi Pearson ‘r’	92
3.9	Penutup	93

BAB 4 DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	94
4.2	Analisis Deskriptif	95
4.3	Profil Responden Kajian	95

4.3.1	Jantina Responden	96
4.3.2	Aliran Pengajian	97
4.3.3	Jenis Pekerjaan Bapa/Penjaga	98
4.3.4	Jumlah Pendapatan Keluarga	99
4.3.5	Jumlah Wang Saku	100
4.3.6	Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Perniagaan	101
4.4	Perbandingan Min Bagi Ciri- Ciri Keusahawanan dan Aspirasi Keusahawanan di kalangan Pelajar.	102
4.4.1	Penemuan Data Deskriptif mengenai ciri-ciri Keusahawanan dan Aspirasi Keusahawanan di kalangan Pelajar Tingkatan Empat	102
4.4.2	Item Keperluan Kepada Pencapaian	103
4.4.3	Item Inovasi	104
4.4.4	Item Kesanggupan Mengambil Risiko	105
4.4.5	Item Lokus Kawalan Dalaman	106
4.4.6	Item Toleransi Ketaksaaan (<i>Tolerance of Ambiguity</i>)	107
4.4.7	Item Keyakinan Diri	108
4.4.8	Item Aspirasi Keusahawanan	109
4.4.9	Ciri-ciri Keusahawanan dan Aspirasi Keusahawanan Pelajar	110
4.5	Analisis Inferen	111
4.5.1	Mengenai Pasti Perbezaan di antara faktor-faktor Demografi dengan Ciri-ciri Keusahawanan di kalangan pelajar	111
4.5.2	Perbezaan Di antara Jantina Dengan Ciri-ciri Keusahawanan	113
4.5.3	Perbezaan di antara Pekerjaan Bapa/ Penjaga dengan Ciri-ciri Keusahawanan	114

4.5.4	Perbezaan di antara Pendapatan Keluarga dengan Ciri-ciri Keusahawanan	115
4.5.5	Perbezaan di antara Wang Saku dengan Ciri-ciri Keusahawanan	116
4.5.6	Perbezaan di antara aktiviti perniagaan dengan Ciri-ciri Keusahawanan	117
4.5.7	Perbezaan di antara Faktor-Faktor Demografi dengan Aspirasi Keusahawanan	118
4.5.8	Perbezaan Di antara Jantina Dengan Aspirasi Keusahawanan	120
4.5.9	Perbezaan di antara Pekerjaan Bapa/ Penjaga dengan Aspirasi Keusahawanan	121
4.5.10	Perbezaan di antara Pendapatan Keluarga dengan Aspirasi Keusahawanan	122
4.5.11	Perbezaan di antara Wang Saku dengan Aspirasi Keusahawanan	123
4.5.12	Perbezaan di antara aktiviti perniagaan dengan Aspirasi Keusahawanan	124
4.5.13	Hubungan di antara ciri-ciri keusahawanan dengan Aspirasi Keusahawanan di kalangan pelajar Tingkatan Empat.	125
4.6	Rumusan	127

BAB 5 PERBINCANGAN, KESIMPULAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	129
5.2	Ringkasan Kajian	130
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	132
5.3.1	Profil Responden Kajian	133
5.3.2	Ciri- Ciri Keusahawanan dan Aspirasi Keusahawanan di kalangan pelajar	134
5.3.2.1	Ciri- Ciri Keusahawanan pelajar terhadap setiap Item	134
5.3.3	Aspirasi Keusahawanan pelajar terhadap setiap item	139
5.3.4	Ciri-ciri Keusahawanan pelajar	140
5.3.4.1	Dimensi Ciri-ciri Keusahawanan	141
5.3.5	Aspirasi Keusahawanan	143
5.3.6	Perbezaan antara faktor demografi dengan Ciri-ciri Keusahawanan dan Aspirasi Keusahawanan	144
5.3.6.1	Perbezaan antara faktor demografi dengan Ciri-ciri Keusahawanan	144
5.3.6.2	Perbezaan antara faktor demografi dengan Aspirasi Keusahawanan	147
5.3.7	Hubungan Di antara Ciri-Ciri Keusahawanan dan Aspirasi Keusahawanan	150
5.4	Implikasi Kajian	150
5.5	Cadangan Daripada Kajian	152
5.5.1	Cadangan Kepada KPM	153
5.5.2	Cadangan Kepada Kajian Lanjutan	154
5.6	Rumusan	155

BIBLIOGRAFI

156-163

LAMPIRAN

Borang Soal Selidik

164-170



SENARAI JADUAL

Jadual	Muka surat
3.1 Nilai <i>Alpha Cronbach</i> untuk Dimensi-Dimensi Yang Diukur Dalam Kajian Sebenar	82
3.2 Analisis Faktor Terhadap Kajian Sebenar	83
4.1 Bilangan Pelajar Mengikut Jantina	96
4.2 Bilangan Pelajar Mengikut Aliran Pengajian	97
4.3 Jenis Pekerjaan Bapa/Penjaga Pelajar	98
4.4 Jumlah Pendapatan Keluarga	99
4.5 Jumlah Wang Saku Pelajar	100
4.6 Penglibatan Pelajar Dalam Aktiviti Perniagaan	101
4.7 Analisis Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Keperluan Kepada Pencapaian Di Kalangan Pelajar	103
4.8 Analisis Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Inovasi Di Kalangan Pelajar	104
4.9 Analisis Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Kesanggupan Mengambil Risiko Di Kalangan Pelajar	105
4.10 Analisis Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Lokus Kawalan Dalam Di Kalangan Pelajar	106
4.11 Analisis Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Toleransi Ketaksaan Di Kalangan Pelajar	107
4.12 Analisis Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Keyakinan Diri Di Kalangan Pelajar	108

4.13	Analisis Statistik Deskriptif Skor Min dan Sisihan Piawai Aspirasi Keusahawanan Di Kalangan Pelajar	109
4.14	Analisis Statistik Deskriptif Skor Min Ciri-ciri Keusahawanan dan Aspirasi Keusahawanan	110
4.15	Keputusan Ujian-t Berdasarkan Jantina Dengan Ciri-ciri Keusahawanan	113
4.16	Keputusan ANOVA Berdasarkan Pekerjaan Bapa/Penjaga Dengan Dimensi Ciri-ciri Keusahawanan	114
4.17	Keputusan ANOVA Berdasarkan Pendapatan Keluarga Dengan Dimensi Ciri-ciri Keusahawanan	115
4.18	Keputusan ANOVA Berdasarkan Wang Saku Dengan Dimensi Ciri-ciri Keusahawanan	116
4.19	Keputusan Ujian-t Berdasarkan Penglibatan Dalam Aktiviti Perniagaan Dengan Dimensi Dalam Ciri-ciri Keusahawanan	117
4.20	Keputusan Ujian-t Berdasarkan Jantina Dengan Aspirasi Keusahawanan	120
4.21	Keputusan ANOVA Berdasarkan Pekerjaan Bapa/Penjaga Dengan Dimensi Aspirasi Keusahawanan	121
4.22	Keputusan ANOVA Berdasarkan Pendapatan Keluarga Dengan Dimensi Aspirasi Keusahawanan	122
4.23	Keputusan ANOVA Berdasarkan Pekerjaan Bapa/Penjaga Dengan Dimensi Aspirasi Keusahawanan	123
4.24	Keputusan Ujian-t Berdasarkan Aktiviti Perniagaan Dengan Aspirasi Keusahawanan	124
4.25	Keputusan Ujian Kolerasi Antara Ciri-ciri Keusahawanan Dengan Aspirasi Keusahawanan.	125

SENARAI RAJAH

Rajah	Muka surat
1.1 Kerangka Konseptual Kajian	19

SENARAI SINGKATAN

DEB	Dasar Ekonomi Baru
GES	Graduate Entrepreneurial Scheme
GPA	Grade Point Average/Purata nilai gred
IKBN	Institut Kemahiran Belia Negara
ILP	Institut Latihan Perindustrian
IPT	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	Institut Pengajian Tinggi Awam
ITM	Institut Teknologi Mara
KBSM	Kurikulum Baru Sekolah Menengah
KHB	Kemahiran Hidup Bersepadu
KMO MSA	<i>Kaiser-Meyer-Olkin Measure of Sampling Adequacy</i>
KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
MITI	Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri
PUM	Program Usahawan Muda
UniKL	Universiti Kuala Lumpur
UniKL MFI	Universiti Kuala Lumpur Malaysia France Institute
UPM	Universiti Putra Malaysia
UUM	Universiti Utara Malaysia
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>

BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pengenalan

Perkataan keusahawanan muncul daripada perkataan usahawan yang bermaksud pengusaha. Usahawan ini juga boleh didefinisikan sebagai mereka yang bekerja sendiri. Mereka mempunyai perniagaan sendiri sama ada secara kecil-kecilan, sederhana atau perniagaan berskala besar. Secara umumnya, usahawan memulakan perniagaan secara kecil-kecilan kerana pemilik juga merupakan pengurus perniagaan, pemilik yang menggunakan wang sendiri untuk pembentukan perniagaan dan pasaran dihadkan kepada tempatan sahaja (Hutt, 1994).

Keusahawanan juga merupakan satu seni atau proses memasuki, mengurus perniagaan sendiri (Hutt, 1994). Mereka muncul sebagai peniaga atas usaha sendiri dengan mempunyai sifat, sikap dan minat untuk bekerja sendiri, maka mereka

dikatakan mempunyai semangat keusahawanan iaitu mahu meneruskan kerjaya sebagai seorang usahawan. Wickham (2004) mendefinisikan keusahawanan sebagai perkataan tertentu yang digunakan untuk memperoleh kekayaan. Beliau menerangkan keusahawanan sebagai apa yang dilakukan oleh usahawan.

Kebanyakan kajian dalam bidang keusahawanan banyak menumpukan dari aspek psikologi seperti ciri-ciri dan tingkah laku seseorang usahawan termasuk motivasi, sikap, lokus kawalan dan kebanyakan penyelidikan dilakukan setelah seseorang usahawan tersebut telah membentuk perniagaannya sendiri. Kemajuan bidang keusahawanan dalam sesebuah negara akan dapat menghakiskan budaya 'makan gaji', menghasilkan produk atau perkhidmatan baru yang akan menerajui bidang-bidang perniagaan serta menggerakkan ekonomi negara.

Oleh itu, usaha membangun golongan usahawan telah dilaksanakan oleh kerajaan sejak pelaksanaan Dasar Ekonomi Baru (DEB) pada tahun 1970 (Chamhuri Siwar, Mohd Yusof & Abdul Malik, 1992). Berdasarkan kepercayaan bahawa usahawan boleh dilahirkan melalui pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia telah melaksanakan pendidikan keusahawanan dalam pengajaran subjek tertentu di sekolah-sekolah, kursus-kursus pendek dan program-program keusahawanan (Humam, 1992; Ronstadt, 1985; Badrul, 1995). Contohnya komponen perdagangan dan keusahawanan telah dijadikan komponen yang teras dalam subjek Kemahiran Hidup peringkat sekolah rendah dan sekolah menengah.

Di samping itu, satu bab mengenai keusahawanan telah dimuatkan dalam subjek (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Selain daripada itu, program-program

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
N IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI F

husus seperti Program Usahawanan Muda (PUM), Program Pengusaha Muda, Kelab Tunas Bistari Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri Johor dan Kelab Keusahawanan juga dilaksanakan di sekolah-sekolah (RM7, 1995).

Namun demikian, berdasarkan rasional dalam sukatan pelajaran subjek Pengajian Keusahawanan, kandungan pendidikan keusahawanan yang diajarkan di peringkat sekolah menengah atas adalah tidak menyeluruh dan tidak mencukupi (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1999). Pada masa ini, pendidikan keusahawanan hanya akan dipelajari oleh pelajar Tingkatan Empat dan Lima melalui subjek Perdagangan Tingkatan Empat dan Lima yang kebetulan disarankan dalam jurusan Perdagangan sahaja.

Justeru itu, usahawan merupakan antara golongan sasar yang dipertanggungjawabkan untuk membangun, membawa masuk dan memajukan segala keperluan masuk dan memajukan segala keperluan negara pada masa kini dan akan datang. Untuk memulakan dan mengendalikan sesuatu perniagaan yang berjaya, seseorang usahawan perlu memiliki ciri-ciri personaliti tertentu. Namun, usaha-usaha untuk pembangunan sesebuah masyarakat perdagangan dan industri perlu bermula di peringkat seawal mungkin.

Beberapa usaha telah dilakukan oleh pelbagai pihak yang menyedari betapa pentingnya menerapkan nilai-nilai keusahawanan di kalangan pelajar seterusnya dapat mengubah sikap, iaitu daripada negatif kepada positif terhadap keusahawanan, mempunyai tahap ciri-ciri keusahawanan yang tinggi serta mempunyai aspirasi yang positif terhadap keusahawanan (Zaidatol et al., 2002).

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

1.2 Latar Belakang Kajian

1.2.1 Perkembangan Keusahawanan di Malaysia

Keusahawanan di Malaysia merujuk secara khusus kepada penglibatan bumiputera dalam bidang keusahawanan sebelum, semasa dan selepas Dasar Ekonomi Baru (DEB) dilancarkan. DEB dilancarkan pada tahun 1971 bagi meningkatkan penglibatan bumiputera dalam bidang keusahawanan. Ia merupakan dasar sosioekonomi yang dirancang oleh kerajaan bagi mencapai matlamat perpaduan negara. Dua strategi utama dalam DEB bagi mencapai matlamat tersebut adalah membasmi kemiskinan untuk meningkatkan pendapatan dan peluang pekerjaan tanpa mengira kaum dan menyusun semula masyarakat bumiputera untuk membetulkan ketidakseimbangan ekonomi antara kaum (Mohamad Najib, 1999).

Sebelum Dasar Ekonomi Baru (DEB), semasa pemerintahan British (1957-1970) kegiatan keusahawanan dikuasai oleh warganegara asing dan bukan bumiputera. Bumiputera kebanyakannya petani dan nelayan dan pendapatan mereka RM172 sebulan iaitu di bawah paras kemiskinan. Keusahawanan di Malaysia bermula seawal zaman Kesultanan Melayu Melaka lagi apabila penduduk tempatan berurus niaga dengan pedagang asing. Apabila British memerintah Tanah Melayu, mereka menukarkan struktur sosial dengan menjalankan pemerintahan “Pecah dan Perintah”. Dengan cara ini, kaum Melayu dilantik sebagai pentadbir dan bekerja dalam pertanian, kaum Cina bekerja di lombong dan berniaga, manakala kaum India pula bekerja di sektor perladangan. Hasilnya kaum Cina lebih ke hadapan dalam soal perniagaan berbanding kaum Melayu dan kaum India.

Bumiputera kurang melibatkan diri dalam bidang keusahawanan disebabkan oleh beberapa faktor. Dasar Ekonomi Bebas adalah bumiputera tidak diberi galakan dan latihan formal untuk menceburi bidang keusahawanan. Oleh itu, bumiputera tidak mempunyai pengalaman, latihan atau modal untuk menjalankan perniagaan. Tiada satu dasar yang mendorong untuk melahirkan satu masyarakat usahawan di kalangan bumiputera. Budaya keusahawanan seperti berani mengambil risiko atau berbudaya saing serta bijak mengambil peluang tidak wujud dalam masyarakat bumiputera. Mereka mudah berpuas hati dengan apa yang mereka perolehi (Chua, 2011).

1.2.2 Kepentingan Keusahawanan

Keusahawanan adalah penting kepada dunia hari ini. Ianya adalah pemangkin kepada perubahan ekonomi dan pertumbuhannya. Peraturan keusahawanan dalam pembangunan ekonomi melibatkan lebih daripada hanya pertambahan per kapita pengeluaran dan pendapatan. Ianya melibatkan inisiatif dan menjadi perubahan dalam struktur perniagaan dan persatuan. Perubahan ini beriringan dengan pertumbuhan dan pertambahan pengeluaran.

Satu teori pertumbuhan ekonomi menggambarkan pembaharuan sebagai kunci untuk pertumbuhan ekonomi dalam pembangunan keluaran baru atau perkhidmatan untuk pasaran. Aktiviti pembaharuan juga merangsang minat pelaburan dalam perusahaan yang baru dicipta. Dengan demikian, keusahawanan melalui proses pembaharuan mencipta pelaburan baru bagi perusahaan baru tersebut, iaitu hasil dari pembangunan ekonomi dan lebih banyak perusahaan di cipta, pekerjaan baru akan

diwujudkan, dengan demikian mengurangkan kadar pengangguran (Mohamad Najib, 1999).

Keusahawanan, melalui kreativiti dan proses pembaharuan mengeluarkan produk baru dan perkhidmatan untuk memenuhi keperluan manusia. Ianya menyediakan spesifik produk atau perkhidmatan yang diperlukan oleh pelanggan. Dalam pengeluaran dan perkhidmatan yang baik, usahawan akan mencari jalan yang lebih baik untuk penggunaan sumber dan mengurangkan pembaziran. Dengan ini masyarakat akan mendapat kebaikan dan perkhidmatan yang lebih murah. Keusahawanan membantu memperbaiki kehidupan jutaan manusia melalui produk baru dan perkhidmatan yang dibawa ke dalam pasaran. Selain dari itu, usahawan juga amat murah hati dalam pengagihan kekayaan mereka kepada yang wajar menerimanya mengikut keutamaan. Oleh itu usahawan adalah individu yang mencipta kekayaan, atau boleh dikatakan juga sebagai penggalak kewujudan kekayaan (Rohaizat, 2002).

Hari ini usahawan ialah orang yang membawa pembaharuan atau pembangun kepada sesiapa yang mengakuinya dan merebut peluang yang ada, mengubah peluang tersebut melalui idea kerja kuat atau idea pemasaran, ditambah nilai melalui masa, tenaga, wang atau kemahiran, mempercayai risiko persaingan pasaran untuk mengimplementasikan idea dan merealisasikan pulangan dari tenaga yang telah dicurahkan.

Makna dan definisi usahawan adalah berbagai dengan tertib tertentu. Sebagai contoh ahli ekonomi melihat usahawan sebagai pembawa sumber, pekerjaan, kebendaan dan lain-lain aset melalui kombinasi yang luar biasa menjadikan nilainya

lebih besar dari sebelumnya. Mereka juga mencadangkan perubahan, pembaharuan dan peraturan baru untuk menjana keuntungan. Ahli psikologi menakrif usahawan dari segi tempoh pencapaian. Bagi ahli psikologi usahawan adalah individu yang bergerak mencari cabaran dan penyelesaiannya.

Walaupun setiap definisi menunjukkan usahawan dari perbezaan pandangan yang kecil, semuanya mengandungi persamaan fahaman seperti pembaharuan, kekayaan, pengurusan, penciptaan dan pengambilan risiko. Usahawan adalah pemangkin kepada perubahan ekonomi bagi tujuan penelitian, perancangan pertimbangan yang baik dalam mengimplementasikan proses keusahawanan (Halimah, 2001).

1.2.3 Pembudayaan Keusahawanan di dalam sistem Pendidikan di Malaysia

Keusahawanan merupakan bidang kerjaya yang sangat penting di negara ini. Kerajaan bermatlamat menjadikan bidang keusahawanan terutamanya sektor industri kecil sederhana sebagai penyumbang utama peluang pekerjaan baru, dan seterusnya membantu perkembangan ekonomi negara pada abad ke-21. Pelbagai usaha dijalankan bagi mencapai matlamat tersebut. Antaranya ialah usaha-usaha khusus yang dilakukan oleh Kementerian Pembangunan Usahawan, Kementerian Pertanian, Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Pendidikan.

Menyedari kepentingan pendidikan keusahawanan untuk membekalkan pelajar dengan peluang dan potensi untuk memilih kerjaya sebagai usahawan, Kementerian

Pendidikan Malaysia telah menunjukkan komitmen mereka terhadap pelaksanaannya. Komponen keusahawanan telah diperkenalkan dalam subjek Perdagangan dan Ekonomi Asas di Sekolah Menengah. Berdasarkan usaha tersebut satu kajian diperlukan untuk menilai semula kesan pendidikan keusahawanan terhadap aspirasi pelajar dalam memilih keusahawanan sebagai kerjaya.

Usaha membudayakan keusahawanan di kalangan rakyat di negara ini juga dilakukan oleh Kementerian Pendidikan di peringkat sekolah. Budaya keusahawanan mula disemai seawal sekolah rendah dengan memperkenalkan unsur-unsur keusahawanan dalam mata pelajaran matematik. Pembudayaan keusahawanan teras diterapkan di sekolah menengah rendah melalui mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu bermula tahun 1991. Usaha membudayakan keusahawanan diteruskan di peringkat sekolah menengah atas apabila pelajar diberi peluang memilih untuk mengikuti pendidikan perdagangan dan keusahawanan melalui mata pelajaran elektif vokasional dan teknologi (Kumpulan II).

Matlamat pendidikan keusahawanan sekolah ialah untuk membentuk pelajar sebagai pencipta kerja yang berpotensi dan bukan sebagai pencari kerja. Kebanyakan laporan dilaporkan bahawa keputusan untuk menubuhkan sesuatu perniagaan adalah berasaskan pemahaman seseorang terhadap aktiviti keusahawanan. Bekerja sendiri dan memiliki perniagaan adalah satu opsi yang realistik untuk pelajar yang mempunyai kemahiran vokasional dan teknikal (Kent, 1990). Malangnya, kebanyakan orang tidak melihat keusahawanan sebagai satu alternatif kerjaya yang wajar diceburi.

Ianya penting untuk membentuk sikap yang positif terhadap keusahawanan. Kajian

yang dibuat di negara barat telah membuktikan bahawa pendidikan keusahawanan adalah berkait dengan keputusan untuk memulakan perniagaan atau tidak.

Kajian juga telah menunjukkan pengalaman, potensi, ciri keusahawanan, sikap, hobi, persepsi keusahawanan sendiri dan idea perniagaan adalah pengaruh yang kuat terhadap aspirasi keusahawanan. Scott *et al.* (1988) mengenal pasti faktor yang mempengaruhi aspirasi keusahawanan antaranya minat, pengetahuan dan sikap terhadap keusahawanan dan kerjaya dalam bidang perniagaan kecil.

Penekanan kepada pendidikan keusahawanan telah bermula di sekolah menengah rendah apabila pelajar diwajibkan mengikuti mata pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (KHB) yang mempunyai komponen perdagangan dan keusahawanan. Komponen ini diperkenalkan kepada pelajar-pelajar Tingkatan 1 hingga Tingkatan 3 dengan matlamat untuk mendedahkan para pelajar dengan 'bidang kerjaya' dan maklumat perniagaan supaya pelajar dapat menyedari potensi mereka ke arah menjadi usahawan.

Kemahiran Hidup Bersepadu sebagai satu mata pelajaran dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) digubal pada tahun 1989 dengan matlamat untuk melahirkan insan yang berdikari, berteknologi, kenal faham ekonomi dan mempunyai sifat serta sikap yakin diri, kreatif, inovatif, inisiatif, produktif dan boleh berinteraksi dengan baik. Tumpuan pendidikan keusahawanan jelas kelihatan pada komponen teras Perdagangan dan Keusahawanan yang diperuntukkan sebanyak 25% daripada waktu pengajaran KHB. Komponen perdagangan dan keusahawanan ini diperkenalkan dengan objektif untuk membolehkan pelajar (a) menjalankan kerja